



Buletin

Zulhijah 1446H/Jun 2025

ACIS

Menelusuri Ibrah Haji & Pengorbanan

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin (Rektor)

Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi (Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Nasif Sidquee Pauzi

Dr Mohamad Redha bin Mohamad

Sidang Pengarang:

Dr Hajah Makiah Tussaripah binti Jamil

Dr Husnul Rita Binti Aris

Nurul Atikah Binti Poniran

Nurul Safwah Binti Mohd Aminuddin Zaki

Siti Nur Husna Abd Rahman

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Mustafa Kamal Mat

Saflina Azis

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan

Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke

buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-78** pada bulan Jun 2025 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan “**Menelusuri Ibrah Haji & Pengorbanan**”. Selain itu, bermula Jan 2025 telah memperkenalkan satu ruangan baharu yang dinamakan **Serambi Wahyu** serta terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

Isi Kandungan

Menjiwai Makna Sebenar Pengorbanan
dari Kacamata Wanita **3**

Ibrah Haji dalam Pendidikan: Mendidik Jiwa
Melalui Nilai Pengorbanan **5**

Cerpen: Dari Kesusahan Menuju Kejayaan **7**

Puisi: Erti Sebuah Pengorbanan **8**

Pesta buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL 2025):
Sorotan Pengalaman **9**

Tanda-tanda Suci Haid **10**

Kritikan Penyiaran: Mengapa Menonton Filem? Benarkah
untuk Menelusuri Realiti dan Pengalaman Yang Berbeza? **13**

Celik Kewangan: Faktor Terjadi Hutang Berlebihan **15**

eISSN 2600-8289



HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Menjiwai Makna Sebenar Pengorbanan dari Kacamata Wanita



Oleh:

Dr Hajah Makiah Tussaripah binti Jamil
Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan Kampus Seremban

Ibadah korban adalah antara ibadah besar dalam Islam yang memperingati kisah pengorbanan agung Nabi Ibrahim AS dan puteranya, Nabi Ismail AS. Ia dilakukan pada hari-hari tasyrik dalam bulan Zulhijjah dengan menyembelih haiwan ternakan sebagai tanda ketaatan kepada Allah SWT. Namun di sebalik itu, ibadah korban membawa mesej spiritual dan sosial yang sangat mendalam, bukan sahaja untuk lelaki tetapi juga untuk wanita. Seiring dengan perkembangan zaman dan perubahan peranan wanita dalam masyarakat, penilaian semula terhadap maksud dan penghayatan korban dari perspektif wanita menjadi semakin relevan.

Secara literal, korban berasal daripada perkataan Arab "*qurbān*" yang membawa maksud mendekatkan diri kepada Allah. Ia tidak terhad kepada penyembelihan haiwan semata-mata, tetapi mencakupi setiap bentuk pengorbanan yang dilakukan dengan niat yang ikhlas demi mencapai keredhaan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

"Daging-daging dan darah-darah (haiwan korban) itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredhaan) Allah, tetapi ketakwaan daripada kamulah yang dapat mencapainya."
(Surah al-Hajj: 37)

Ini jelas menunjukkan bahawa intipati korban adalah keikhlasan dan ketaqwaan, bukan sekadar perbuatan fizikal. Korban juga bukan satu ibadah eksklusif kepada lelaki sahaja. Dalam hukum fikah, wanita turut dibenarkan, bahkan digalakkan untuk melakukan ibadah korban. Seorang wanita yang mampu, sama ada bujang, berkahwin, atau ibu tunggal, boleh melaksanakan korban sebagai satu bentuk ketaatan dan pengabdian diri. Namun lebih daripada itu, wanita sebagai insan yang sering memainkan pelbagai peranan dalam satu masa, menjadikan pengorbanan mereka tidak hanya kelihatan pada permukaan, tetapi sangat mendalam jika dilihat dari lensa keimanan.

Pengorbanan dalam Rumah Tangga

Bagi wanita yang berumah tangga, pengorbanan adalah sebahagian daripada kehidupan harian. Seorang isteri sering meletakkan keperluan suami dan anak-anak mengatasi dirinya sendiri. Daripada mengorbankan masa rehat untuk menyediakan makanan, mengorbankan cita-cita peribadi demi membesarkan anak-anak, sehinggalah kepada

mengorbankan emosi dalam menghadapi ujian perkahwinan, semua ini adalah bentuk korban yang sangat bermakna jika dilakukan kerana Allah. Seorang wanita beriman yang meletakkan keredhaan Allah sebagai kemuncak pengabdian pastinya sentiasa bersabar dengan sebarang ujian dan mehnah kehidupan dalam melaksanakan peranannya sebagai tunggak dalam keluarga tercinta. Dalam konteks ini, pengorbanan seorang wanita tidaklah kurang berbanding korban fizikal yang dilakukan lelaki di medan tertentu. Ia mungkin tidak diraikan atau dilihat secara zahir, tetapi di sisi Allah, ia dinilai dengan keikhlasan dan keimanan yang mendalam. Wanita muslimah yang beriman sentiasa bersabar dan bersyukur dengan segala ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah Yang Maha Esa.

Pengorbanan Ibu: Sekolah Pertama Anak

Sebagai ibu, wanita adalah sekolah pertama kepada anak-anak. Segala penat lelah dalam mengandung, melahirkan, menyusukan, mendidik dan membentuk anak-anak adalah bentuk pengorbanan yang tiada tandingannya. Dalam Islam, darjat seorang ibu sangat tinggi kerana segala pengorbanannya melibatkan cinta yang suci dan sabar yang tidak bertepi. Pengorbanan ibu bukan sahaja dari sudut fizikal, tetapi juga spiritual. Seorang ibu berkorban untuk mendidik anak menjadi hamba Allah yang taat. Ia satu pengorbanan jangka panjang, yang hasilnya bukan untuk dilihat dalam sehari dua. Wanita sebagai seorang ibu meletakkan kesabaran dan keikhlasan sebagai pasak dalam mendidik anak-anak. Sentiasa berusaha menjadi contoh dan model yang bisa diteladani oleh anak-anak. Walaupun menyedari akan kelemahan dan kekurangan diri, seorang wanita sebagai ibu selalu berkorban untuk memperbaiki diri dan melengkapkan diri dengan pelbagai bentuk ilmu dan kemahiran demi mendidik anak menjadi modal insan yang kamil.

Wanita Bekerja: Menyulam Tanggungjawab dan Amanah

Bagi wanita yang bekerja, setiap hari adalah medan pengorbanan. Mereka berjuang menyeimbangkan antara tuntutan kerjaya dan tanggungjawab keluarga. Pengorbanan masa, tenaga, kadang kala kesihatan, semuanya ini dilakukan demi memastikan keluarga terurus dan kerjaya tidak terabai. Apabila wanita menyumbang harta hasil titik peluhnya untuk menyertai ibadah korban, nilainya sangat besar. Ia adalah hasil dari usaha dan kerja keras, dan dikorbankan demi mencari redha Illahi. Pengorbanan seorang wanita muslimah di medan kerjaya amat besar kerana bukan sahaja dilihat memberi kebaikan

kepada institusi keluarga, tetapi juga menyumbang kepada ekonomi dan urus tadbir negara yang lebih mencabar sehingga ke peringkat global.

Meneladani Siti Hajar: Lambang Korban dan Kepercayaan

Dalam sejarah korban, watak penting yang sering terlindung daripada sorotan utama adalah Siti Hajar. Beliau bukan sekadar seorang ibu, tetapi simbol kecekalan, tawakal dan pengorbanan. Ketika ditinggalkan di padang pasir gersang bersama anak kecil, Siti Hajar tidak mempertikaikan ketentuan Allah. Sebaliknya beliau berlari antara Bukit Safa dan Marwah dalam usaha mencari air. Usaha itulah yang diabadikan dalam rukun haji dan umrah, dengan ibadah sa'ie yang dilakukan oleh jutaan umat Islam saban tahun. Tauladan ini memberi mesej yang sangat kuat kepada wanita muslimah bahawa pengorbanan pada hari ini sama ada dalam bentuk usaha membesarkan anak, mempertahankan rumahtangga, atau memikul beban kehidupan sendirian adalah lanjutan daripada perjuangan Hajar. Ia adalah ibadah, selagi dilakukan dengan ikhlas dan berserah kepada Allah. Kekuatan dan kesabaran Hajar menjadi contoh terbaik buat Muslimah pada masa kini dengan meletakkan nilai ketakwaan dan tawakal yang tinggi terhadap ketentuan dari Yang Maha Esa.

Korban dalam Era Moden: Cabaran dan Peluang

Pada hari ini, semakin ramai wanita menyertai kerja-kerja kebajikan, menjadi sukarelawan semasa musim korban, menyumbang kepada golongan miskin dan asnaf, serta menggalas peranan kepimpinan dalam komuniti. Kesedaran ini mencerminkan bahawa wanita memahami makna korban bukan sekadar pada ritual, tetapi pada pengaruh sosial dan kemanusiaan. Seorang wanita yang mengorbankan masanya untuk membantu pelarian, anak yatim atau masyarakat terpinggir sedang melaksanakan korban dalam bentuk yang sangat bermakna. Selain itu, dalam diam, ramai wanita Muslimah turut berkorban dari sudut emosi dan mental dalam menghadapi tekanan kerja, gangguan emosi, perkahwinan yang tidak bahagia, atau persekitaran yang toksik. Mereka tetap bertahan kerana amanah dan rasa takut kepada Allah. Kesanggupan untuk terus bersabar dan tidak bertindak mengikut emosi adalah satu bentuk pengorbanan besar, yang jarang dihargai manusia, tetapi besar nilainya di sisi Tuhan.

Refleksi: Menghidupkan Roh Korban dalam Diri

Korban bukan ibadah tahunan. Ia adalah prinsip hidup. Wanita muslimah seharusnya senantiasa bertanya kepada diri sendiri:

1. Apakah bentuk korban yang boleh aku lakukan hari ini untuk mendekatkan diri kepada Allah?
2. Adakah aku sedang melepaskan sesuatu yang aku sayang demi cinta kepada Tuhan?
3. Adakah aku telah meletakkan niat yang betul dalam setiap pengorbanan harian yang aku lakukan?

Apabila prinsip ini dijadikan asas kehidupan, maka wanita Muslimah akan hidup dengan mempunyai lebih jelas matlamat dan arah tuju. Pengorbanannya bukan lagi satu keluhan, tetapi satu jalan untuk mencapai kemuliaan di sisi Allah SWT. Korban dalam Islam bukan semata-mata penyembelihan haiwan. Ia adalah ibadah hati. Ia adalah latihan rohani untuk membuang kebergantungan kepada dunia, dan kembali sepenuhnya kepada Allah. Bagi wanita, makna korban sangat luas dan merangkumi hampir setiap aspek kehidupan mereka.

Sama ada seorang wanita itu adalah ibu, isteri, anak, sahabat, pemimpin, pekerja atau pelajar, setiap detik yang dilalui dengan penuh kesabaran, keikhlasan dan pengorbanan demi kebaikan dan keimanan adalah korban yang diterima di sisi Allah. Mudah-mudahan wanita muslimah, dapat menghidupkan roh korban bukan hanya pada Aidiladha, tetapi dalam setiap hari kehidupan. Mudah-mudahan setiap korban yang dilakukan menjadi sebab untuk Wanita Muslimah mendekatkan diri kepada Allah, serta membuka jalan menuju syurga-Nya.

"Tidak akan mencapai kebaikan (yang sempurna), sebelum kamu mendermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi..." (Surah Ali 'Imran: 92)

SERAMBI WAHYU

Al-Quran diturunkan untuk diamalkan

Kata Fudail bin 'Iyad:

إِنَّمَا نَزَلَ الْقُرْآنُ لِيُعْمَلَ بِهِ،
فَاتَّخَذَ النَّاسُ قِرَاءَتَهُ عَمَلًا

"Hanyasanya al-Quran itu diturunkan untuk diamalkan, tetapi manusia menjadikan bacaannya sebagai amalan".

-Dr. Redha-

Ibrah Haji dalam Pendidikan: Mendidik Jiwa Melalui Nilai Pengorbanan



Oleh:

Dr Husnul Rita Binti Aris

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan Kampus Seremban

Apabila kita menyebut tentang ibadah haji, pastinya membangkitkan rasa teruja dalam hati untuk menjadi tetamu Allah di Tanah Suci Mekah dan Madinah. Baru-baru ini, seramai 11 orang jemaah haji daripada Malaysia yang telah meninggal dunia ketika ingin mengerjakan rukun Islam yang kelima (Berita Harian, 10 Jun 2025). Tidak dinafikan bahawa ajal dan maut telah ditentukan oleh Allah sejak azali lagi. Namun, jika kita melihat dari perspektif lain, ia merupakan satu pengorbanan yang terindah bagi jemaah haji tersebut untuk sampai ke sana (Berita Harian, 6 Jun, 2025).

Apabila kita memperkatakan pengorbanan, ia melibatkan pelbagai aspek antaranya seperti pengorbanan masa, diri/fizikal, mental, emosi, hati, kerohanian, kewangan, harta, keluarga dan lain-lain lagi.

Demikian juga, terdapat dalam kalangan jemaah haji yang terpaksa menjual rumah untuk membolehkan beliau dan isterinya dapat menunaikan haji bersama-sama pada tahun ini. Ia juga salah satu pengorbanan yang sanggup dilakukan buat pasangan suami dan isteri bagi mewujudkan impian mereka untuk ke Tanah Suci Mekah dan Madinah. Tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai bentuk pengorbanan dilakukan oleh setiap umat Islam bagi merealisasikan hasrat untuk sampai ke Tanah Suci dan menjadi tetamu Allah di sana.

Firman Allah SWT bermaksud:

"Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang luas. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan maksud berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati, maka sesungguhnya pahalanya telah ditetapkan di sisi Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."
(Surah an-Nisa, ayat:100)

Konsep Pengorbanan dalam Ibadah Haji

Pengorbanan dalam ibadah haji bukan hanya bersifat ritual tetapi mencerminkan konsep pendidikan rohani yang mendalam sebagaimana ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim A.S. (Al-Sheikh, 2020; Rahman & Halim, 2022). Kisah ini merupakan asas pengenalan kepada ibadah korban dalam

Islam dan menjadi simbol ketundukan kepada perintah Allah SWT.

Firman Allah SWT:

"Wahai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam tidur bahawa aku menyembelihmu..."
(Surah al-Saffat, ayat:102)

Kesediaan untuk berkorban demi ketaatan ini diabadikan melalui amalan haji seperti wukuf di Arafah, melontar jamrah, dan tawaf yang mencerminkan kepatuhan mutlak kepada perintah Ilahi. Kamali (2021) menjelaskan bahawa ibadah haji merupakan satu latihan kerohanian yang sangat berstruktur dan mendalam, mendidik jiwa mukmin agar patuh dan berserah.

Seperti hadith Rasulullah SAW bermaksud:

"Satu umrah ke umrah yang lain adalah penghapus dosa antara keduanya, dan haji yang mabrur tidak ada balasan baginya melainkan syurga." (Riwayat al-Bukhari, *Kitāb al-Umrah*, *Fadl al-'Umrah*, no. 1773; Muslim, *Kitāb al-Hajj*, *Fadl al-Hajj wa al-'Umrah*, no. 1349).

Nilai Pengorbanan dan Pendidikan Jiwa

Konsep tarbiyah Islam yang menekankan nilai-nilai seperti kesabaran, ikhlas, dan pengorbanan adalah asas kepada pembentukan jiwa yang kukuh (Hashim, 2014; Noor & Embong, 2019). Nilai pengorbanan tersebut merupakan elemen penting dalam pendidikan karakter yang berupaya membentuk ketahanan diri dan integriti dalam kalangan pelajar.

Ketahanan Mental dan Disiplin

Pelajar yang menghayati nilai pengorbanan lebih bersedia untuk berusaha gigih dan tidak mudah putus asa. WHO (2022) menekankan pentingnya pendidikan nilai dalam membina daya tahan emosi pelajar pascapandemik.

Keikhlasan dalam Menuntut Ilmu

Sebagaimana jemaah haji melakukan segala amalan semata-mata kerana Allah, pelajar juga perlu menuntut ilmu dengan niat yang ikhlas.

Ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Sesungguhnya amalan itu bergantung kepada niat, dan sesungguhnya setiap orang akan mendapat apa yang diniatkannya..." (Riwayat al-Bukhari, *Bad' al-Wahy*, *Bāb kayfa kāna bad' al-wahy ilā Rasūlillāh SAW* no. 1; Muslim, *Kitāb al-Imārah*, *Bāb Qawl al-Nabi SAW*: "Innamā al-a'māl bi al-niyyah, no. 1907)

Kepimpinan dan Tanggungjawab Sosial

Nilai pengorbanan mendorong para pelajar untuk memikul amanah, menolak sifat mementingkan diri, dan menyumbang kepada masyarakat. Meyers, D'Angelo, dan Diemer (2023) menyatakan bahawa nilai empati dan pengorbanan perlu menjadi asas dalam pendidikan kepimpinan masa kini.

Rasullah SAW bersabda (maksudnya):

"Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan atas apa yang dipimpinnya."

(Riwayat al-Bukhari, *Kitāb al-Ahkām, Bāb Qawl Allāh Ta'ālā: 'Ati ū Allāha wa-atī ū al-rasūla wa-ulī al-amr minkum...*no. 893; Muslim, *Kitāb al-Imārah, Bāb Wujūb Tā'at al-Umara fi ghayr Ma'siya*, no. 1829)

Pengaplikasian dalam Sistem Pendidikan

Pendidikan Islam yang benar menurut Al-Attas (1993) dan Wan Daud (2010) harus menyepadukan dimensi rohani dan akhlak agar tidak terpisah daripada pembentukan adab dan jati diri pelajar. Konsep pengorbanan tersebut boleh dimasukkan dalam sistem pendidikan secara strategik melalui pelbagai pendekatan seperti pelaksanaan modul ibrah haji dalam subjek Pendidikan Islam dan Moral, aktiviti kokurikulum yang berfokuskan kepada khidmat masyarakat, sukarelawan dan kerja amal dan projek reflektif sempena musim haji seperti simulasi ibadah haji serta perkongsian kisah keluarga Nabi Ibrahim A.S.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) telah memasukkan nilai pengorbanan secara eksplisit dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5. UNESCO (2022) juga menekankan kepentingan pendidikan berteraskan nilai kemanusiaan sejagat.

Cabaran dan Cadangan

Pelaksanaan pendidikan nilai harus melibatkan pendekatan holistik yang mengambil kira pembangunan spiritual dan moral (Abdullah & Hasan, 2021). Cabaran utama dalam pelaksanaan pendidikan berasaskan nilai pengorbanan termasuklah penekanan yang berlebihan terhadap akademik dan peperiksaan, kekurangan latihan profesional untuk guru dalam aspek pendidikan nilai, serta ketandusan aktiviti pembelajaran yang mampu menyentuh emosi dan jiwa pelajar.

Antara Cadangan ke arah pendidikan berkaitan dengan pengorbanan ialah menyediakan latihan profesional kepada guru dalam aspek pendekatan nilai (value-based education), menyepadukan unsur pengorbanan dalam pentaksiran pelajar, mewujudkan program mentor-mentee berdasarkan prinsip khidmat dan pengorbanan. Bozkurt (2023) menyarankan agar nilai-nilai empati dan pengorbanan diberi penekanan dalam persekitaran pembelajaran digital dan hibrid.

Kesimpulan

Ibrah haji memberi pedoman yang sungguh besar dalam membentuk manusia yang taat, sabar dan berjiwa besar. Nilai pengorbanan dalam ibadah haji sangat relevan untuk diterapkan dalam sistem pendidikan sebagai landasan pembentukan generasi yang kukuh akidah, mantap akhlak dan berjiwa ummah. Maka, pendidikan berasaskan nilai seperti pengorbanan perlu diberi tempat utama dalam dasar dan amalan pendidikan negara.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (1993). The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Sheikh, M. A. (2020). The ethics of sacrifice: Lessons from the Hajj rituals. *International Journal of Islamic Ethics*, 4(1), 51–68.
- Abdullah, M. R., & Hasan, N. (2021). Integrating Islamic values in the curriculum: A study of moral and spiritual development in education. *Journal of Islamic Education*, 3(1), 45–58.
- Berita Harian. (2025, 10 Jun). 11 jemaah haji Malaysia meninggal dunia di Mekah.
- Bozkurt, A. (2023). Empathy in online and hybrid education. *Distance Education*, 44(1), 24–40.
- Hashim, R. (2014). The concept of tarbiyah in shaping personal character: A theoretical overview. *International Journal of Islamic Thought*, 5(1), 17–26. <https://doi.org/10.24035/ijit.5.2014.003>
- Kamali, M. H. (2021). Hajj: Spiritual and Moral Dimensions. IAIS Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). DSKP Pendidikan Islam KSSM Tingkatan 4 dan 5.
- Meyers, M. C., D'Angelo, C. M., & Diemer, M. A. (2023). Teaching with empathy. *Teaching and Teacher Education*, 123, 103964.
- Noor, N. M., & Embong, R. (2019). Character education in Islam: A review on the concept of sacrifice in the Quran and Sunnah. *Journal of Quranic Studies and Islamic Education*, 1(2), 28–39.
- Rahman, F. A., & Halim, M. A. S. (2022). Hajj as a transformative spiritual experience: Implications for Islamic education. *Journal of Spiritual and Moral Education*, 6(2), 88–104.
- UNESCO. (2022). *Reimagining our Futures Together: A New Social Contract for Education*.
- Wan Daud, W. M. N. (2010). The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization. UTM Press.
- World Health Organization. (2022). Mental health and COVID-19: Early evidence of the pandemic's impact.

Cerpen: Dari Kesusahan Menuju Kejayaan



Oleh:

Nurul Atikah Binti Poniran

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



Nurul Safwah Binti Mohd Aminuddin Zaki

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Nama dia Ahmad. Seorang pemuda berusia 25 tahun yang baru sahaja menamatkan pengajian ijazah dalam bidang Pengajian Islam di sebuah universiti ternama. Wajahnya berseri-seri ketika dia memegang segulung ijazah di tangannya. Namun, di sebalik senyuman itu, tersimpan seribu kisah perjuangan yang hanya dia dan Tuhan sahaja yang tahu.

Ahmad bukanlah berasal dari keluarga yang senang. Dia dilahirkan dalam sebuah keluarga sederhana di sebuah kampung kecil. Ayahnya bekerja sebagai buruh binaan, manakala ibunya membantu dengan menjual kuih-muih di pasar. Walaupun hidup mereka tidak mewah, Ahmad sentiasa merasai kasih sayang dan kebahagiaan dalam keluarga kecilnya. Namun, segalanya berubah ketika dia berusia 16 tahun.

Pada suatu pagi yang dingin, Ahmad menerima berita yang menghancurkan hatinya. Ibu dan ayahnya terlibat dalam kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan ke pasar. Mereka meninggal dunia di tempat kejadian. Ahmad terpaksa menerima hakikat bahawa dia kini seorang yatim piatu. Dunia seolah-olah runtuh di hadapannya. Dia tertanya-tanya, bagaimana dia boleh meneruskan hidup tanpa ibu dan ayah yang selama ini menjadi sumber kekuatannya.

Namun, Ahmad tidak mahu berputus asa. Dia tahu, ibu dan ayahnya pasti mahu dia terus berjuang. Dengan tekad yang kuat, dia memutuskan untuk terus bersekolah dan mengejar impiannya. Dia tinggal bersama datuknya yang sudah uzur, tetapi keadaan kewangan mereka sangat terbatas. Ahmad terpaksa bekerja sambil selepas sekolah untuk membantu meringankan beban datuknya.

Ketika dia menduduki peperiksaan SPM, Ahmad berusaha keras untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Dia tahu, hanya pendidikan yang boleh mengubah nasibnya. Hasil usahanya tidak sia-sia. Dia berjaya memperoleh keputusan yang membanggakan, membuka peluang untuknya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Namun, masalah kewangan tetap menjadi halangan besar. Ahmad tidak mempunyai wang untuk mendaftar di kolej atau universiti. Dia hampir putus asa, tetapi pada saat itu, guru-gurunya di sekolah datang memberikan sokongan. Mereka membantu Ahmad memohon bantuan kewangan melalui zakat dan dana kebajikan. Alhamdulillah, permohonannya diluluskan, dan Ahmad berjaya mendaftar di sebuah universiti untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Pengajian Islam.

Semasa di universiti, Ahmad tidak pernah lupa akan perjuangannya. Dia tahu, peluang ini datang dengan susah payah, dan dia tidak mahu mensia-siakannya. Dia belajar dengan tekun, sering kali menghabiskan malamnya di perpustakaan. Namun, hidup sebagai pelajar universiti bukanlah mudah, terutamanya bagi seorang yatim piatu seperti Ahmad. Dia terpaksa bekerja sambil sebagai penghantar makanan untuk menampung perbelanjaan hariannya. Ada masanya dia berasa letih dan hampir menyerah, tetapi dia sentiasa mengingatkan dirinya tentang impiannya.

"Allah tidak akan membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya," kata Ahmad kepada dirinya setiap kali berasa lemah. Dia juga sering mengingat kata-kata ibunya, "Jadilah anak yang kuat, Ahmad. Jangan biarkan kesusahan menghalangmu untuk berjaya."

Selama tiga tahun di universiti, Ahmad tidak hanya belajar tentang ilmu pengajian Islam, tetapi juga belajar tentang erti kehidupan. Dia belajar untuk berdikari, menguruskan masa dengan baik, dan sentiasa bersyukur dengan apa yang ada. Dia juga aktif dalam aktiviti kemasyarakatan, sering kali menjadi sukarelawan dalam program-program kebajikan. Dia ingin membantu orang lain, kerana dia tahu betapa berharganya bantuan yang pernah diterimanya.

Akhirnya, hari yang dinantikan tiba. Ahmad berjaya menamatkan pengajiannya dengan kepujian. Dia berdiri di atas pentas, memegang ijazahnya dengan penuh bangga. Matanya berkaca-kaca ketika mengimbas kembali segala perjuangan yang dilaluinya. Dia teringat akan ibu dan ayahnya, dan berharap mereka bangga melihatnya hari ini.

Selepas tamat pengajian, Ahmad berjaya mendapatkan pekerjaan sebagai Pegawai Syariah di sebuah hospital. Tugasnya adalah untuk memberikan khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan hal ehwal syariah kepada pesakit dan kakitangan hospital. Ahmad sangat bersyukur dengan pekerjaan ini, kerana dia boleh membantu orang lain sambil mengamalkan ilmu yang dipelajarinya.

Kisah Ahmad adalah inspirasi kepada kita semua. Dia membuktikan bahawa dengan usaha, doa, dan sokongan, tiada yang mustahil untuk dicapai. Kejayaannya bukan hanya untuk dirinya, tetapi juga untuk membuktikan bahawa setiap perjuangan pasti ada hasilnya.

Puisi: Erti Sebuah Pengorbanan



Oleh:

Siti Nur Husna Abd Rahman

Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Di padang Arafah suci terbentang,
Jemaah berhimpun, hati pun tenang.
Lafaz talbiah bergema gemilang,
Menuju Tuhan, cinta yang terang.

Ismail rela, Ibrahim patuh,
Demi perintah, tiada mengeluh.
Pisau tajam bukan pemutus,
Kerana iman, kasih diputus.

Bukan sekadar haiwan dikorban,
Tetapi ego, nafsu dan beban.
Tulus hati meniti jalan,
Menuju reda Tuhan yang aman.

Aidiladha bukan hanya perayaan,
Tapi seruan untuk keinsafan.
Agar setiap insan menilai pengorbanan,
Dalam hidup, dalam perjuangan.

Dan kami pensyarah di medan ilmu,
Menggagas amanah tak kira waktu.
Mendidik insan walau lesu,
Menanam benih, menyiram ilmu.

Jam demi jam di bilik kuliah,
Menyusun slide, menyemak helah.
Mengorbankan waktu rehat dan rumah,
Demi generasi yang penuh amanah.

Di sebalik senyum yang sering terukir,
Ada doa agar pelajar takkan tergelincir.
Ilmu disemai tak hanya berfikir,
Tapi membina akhlak yang luhur dan fakir.

Pengorbanan kami bukan untuk dikenang,
Cukuplah Tuhan tahu yang disandang.
Agar setiap huruf dan ajaran dikenang,
Sebagai amal menuju jalan yang tenang.

Salam Aidiladha dari jiwa yang ikhlas,
Semoga korban kita bukan hanya di atas kertas.
Tapi lahir dari niat yang tulus dan jelas,
Menuju Tuhan, Maha Pengasih, Maha Luas.

Pesta buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL 2025): Sorotan Pengalaman



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau



Oleh:

Mustafa Kamal Mat

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Pada 27hb Mei yang lepas, penulis telah berpeluang menyertai program yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 telah berlangsung di PWTC bermula 23 Mei hingga 1 Jun 2025.

Ia merupakan acara tahunan yang diadakan bagi membuka ruang kepada industri perbukuan Malaysia untuk mempromosi koleksi terbitan dan sebagai platform bagi penjualan buku secara berskala besar. Pesta ini juga turut disertai oleh penerbit antarabangsa sebagai sokongan demi melengkapkan fungsinya. Seramai 42 orang staf yang terdiri dari ahli akademik dan staf pentadbiran telah menyertai program ini. Program ini terbuka kepada semua yang berminat untuk menyertai bagi memeriahkan acara yang telah disusun oleh pihak penganjur.

Umum mengetahui bahawa pesta buku mempunyai peranan yang pelbagai dalam mewarnai industri perbukuan negara. Bukan hanya terhad kepada promosi, pameran dan penjualan buku tetapi turut menjadi perhatian adalah acara/aktiviti yang disisip sepanjang pesta berlangsung. Antara yang menarik adalah jika anda seorang pencinta buku dan mengikuti perjalanan penuh duri dunia penerbitan maka anda mungkin tidak akan melepaskan peluang untuk turut serta dalam acara pentas yang menawarkan sesi penerangan, diskusi, wacana dan dialog yang seringkali menampilkan tokoh atau ikon dalam industri ini bagi mewakili pihak penerbit.

Pemilihan tajuk yang terkini bagi sesi yang dinyatakan tadi membolehkan penyampaian maklumat dan perkongsian berlangsung antara pihak penerbit dan masyarakat. Banyak ilmu yang bermanfaat diterjemahkan oleh mereka yang pakar dan ini membolehkan masyarakat untuk ambil peduli berkenaan isu yang dikongsikan terutamanya berkenaan masa hadapan dunia penerbitan dan impaknya pada generasi akan datang.

Tidak hanya diskusi dan wacana yang menjadi tumpuan acara pentas, terdapat juga majlis pelancaran buku atau naskah terbitan baharu yang berlangsung seiring dengan kerancakkan jualan buku. Pelbagai naskah berpotensi mendapat tempat dipasaran telah diperkenalkan oleh

syarikat penerbitan bagi memenuhi kehendak masyarakat yang suka membaca. Kepelbagaian tajuk dan genre yang dihasilkan oleh penulis-penulis popular tanahair dipersembahkan khusus buat pengunjung pesta buku.

Ianya menjadi lebih bermakna apabila pengunjung dapat bersua muka dengan penulis kesayangan yang turut hadir bagi memenuhi hasrat pembaca untuk dapat beramah mesra bersama penulis. Pengunjung dapat meluangkan masa untuk merakamkan gambar kenangan disamping dapat berinteraksi dengan mereka. Mungkin terdapat cadangan dan pandangan dari sudut pendapat peribadi pembaca boleh didengari oleh penulis sebagai maklumbalas dan inspirasi penambahbaikan mampu dilakukan pada karya yang seterusnya jika perlu.

Kehadiran para pelajar sekolah juga telah menarik minat penulis pada temasya tersebut. Guru-guru dilihat menjadi pembimbing bagi anak-anak murid dalam proses mengenali acara tersebut. Sudah tentu pelbagai ragam dan gelagat dapat dilihat bilamana pelajar kelihatan sangat teruja dengan kepelbagaian buku yang dipamerkan. Reaksi yang ditonjolkan sangat positif jika kita lihat dari sudut masa depan generasi akan datang terhadap ilmu.

Pendedahan awal ini adalah perlu bagi memupuk kecintaan terhadap ilmu pengetahuan. Yang penting, pesta buku telah membuka minda anak-anak ini tentang betapa aktiviti ini mendapat sokongan yang hebat dikalangan masyarakat berbanding kebajikan pengunjung yang menghadirkan diri. Betapa masyarakat menghargai pelbagai buku yang dipamerkan, promosi yang diberikan, pelbagai acara tambahan sebagai sokongan berteraskan minat pengunjung dan seluas pemandangan rakan sebaya dari pelbagai negeri yang turut hadir.

Berdasarkan pengalaman sebagai pengunjung di pesta buku kali ini, penulis berpendapat acara ini mampu memberi impak positif kepada para pengunjung, pihak penerbit dan golongan penulis berbakat dalam mendepani masa hadapan. Ketika industri percetakan menerima saingan hebat dari buku elektronik atau e-buku, namun masih ramai lagi yang berpendapat bahawa demi penghayatan pembacaan, buku fizikal masih lagi menjadi pilihan kerana keistimewaannya tersendiri.

Tanpa perlu bergantung kepada alat peranti, buku fizikal dilihat lebih mampu untuk meningkatkan tumpuan pembacaan dan kefahaman tanpa ada sebarang gangguan seperti gangguan talian internet, kehabisan bateri, saiz skrin yang tidak sesuai untuk pembacaan, keletihan mata dan pelbagai lagi masalah membelenggunya. Pendek kata, naskah cetakan masih mempunyai pengaruh dan mampu mengimbangi populariti e-buku selaras dengan sejarah panjang perjalanan media tradisional yang lain.

Tanda-tanda Suci Haid



Oleh:

Siti Nur Husna Abd Rahman

Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Rembau



Khairah Bt Ismail

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Selangor, Kampus Dengkil

Tanda-tanda suci daripada haid, yang menandakan bahawa tempoh haid telah berakhir dan wanita boleh kembali melaksanakan ibadah seperti solat dan puasa, merangkumi beberapa perubahan fisiologi dan simptom. Secara umumnya, tanda suci dicirikan oleh berakhirnya pendarahan dan keluarnya cecair putih atau jernih dari faraj, yang dikenali sebagai istihadhah atau cecair pembersihan selepas haid (Minoo & Vermeulen, 2016). Di samping itu, wanita mungkin juga mengalami penghentian kekejangan atau ketidakselesaan yang berkaitan dengan haid (Haines & D'Angelo, 2019). Dari sudut pandangan agama, tanda suci termasuklah pembersihan diri melalui mandi wajib (ghusl) untuk memastikan bahawa wanita berada dalam keadaan bersih sebelum melaksanakan ibadah (Abu Dawood, 1990). Tanda-tanda ini adalah penting untuk menentukan kesucian dan kesediaan wanita untuk kembali menjalankan kewajipan agama (Nawawi, 1996).

Wanita mempunyai tempoh-tempoh haid tertentu tanpa mesti terikat dengan tempoh maksimum 15 hari. Tempoh haid terbahagi kepada tiga bahagian iaitu minimum, maksimum dan kebiasaan. Tempoh minimum haid sehari semalam iaitu 24 jam, tempoh maksimum haid ialah 15 hari 15 malam dan kebiasaan haid adalah 6 atau 7 hari.

Soalan yang diajukan berkaitan wanita yang telah kering darah pada hari ke - 6 dan menunjukkan tanda suci maka baki hari seterusnya adalah suci. Perkara ini dijelaskan oleh para fuqaha mazhab Syafi'i antaranya Imam al-Khatib al-Syirbini maksudnya "*kebiasaan tempoh haid ialah 6 atau 7 hari dan baki bulan adalah kebiasaan suci haid.*"

Seterusnya, panduan wanita suci daripada darah haid melalui dua tanda iaitu kering daripada darah (الجوف) atau keluar cairan putih (قصة البيضاء). Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah R.Anha bermaksud "*dahulu para wanita datang menemui Aisyah R.Anha dengan menunjukkan kain yang berisi kapas (yakni yang dimasukkan ke dalam faraj) yang padanya ada kesan kekuningan (kesan darah haid) lalu*

(untuk mandi dan bersolat) sehinggalah kamu melihat warna cecair putih pada kapas yang menunjukkan suci daripada darah haid."

Imam Nawawi menjelaskan bahawa tanda berhenti darah haid atau suci adalah tidak keluar darah mahupun warna cecair kekuningan atau warna keruh, cuma yang keluar hanya cairan putih atau tidak keluar apa-apa cairan

sama sekali. Seterusnya, cecair putih menunjukkan permulaan kiraan suci selain petanda akhir haid.

Dua tanda suci daripada haid ialah cecair putih (القصة البيضاء) dan kering (الجفوف). Cara ini dapat dikenal pasti dengan memasukkan kain kapas ke dalam faraj, kemudian apabila dikeluarkan ianya kering tanpa kesan darah. Cecair putih menunjukkan penghujung haid dan tanda-tanda suci daripada haid. Tiada tanda selepasnya sehingga melihat tanda cecair putih atau kering. Maksud hadis "Janganlah

kekuningan dan keruh yang terdapat dalam tempoh haid adalah haid. Hal ini kerana hukum wanita haid sehingga dia melihat cecair putih yang kadang-kadang sebelumnya terdapat warna cecair kuning atau keruh. Cecair putih yang ditolak keluar daripada rahim adalah pada waktu haid berhenti.

Justeru itu, wanita perlu mandi wajib setelah mendapati tanda cecair putih jernih pada kapas setelah dikeluarkan daripada faraj. Perkara ini dijelaskan oleh Imam Hajar al-Haitami dalam karya Tuhfah Minhaj bermaksud "*Haid terputus apabila dimasukkan kapas pada faraj kemudian keluar putih dan jernih, maka lazim baginya untuk melaksanakan kewajipan seperti hukum hakam orang yang suci (iaitu solat, puasa dan ibadah lain).*"

Warna Darah Haid

Warna darah haid adalah salah satu ciri penting dalam menilai kesihatan sistem reproduktif wanita. Perubahan warna darah haid memberikan petunjuk tentang proses fisiologi yang berlaku dalam rahim dan boleh membantu mengenal pasti keadaan kesihatan tertentu. Berikut adalah penjelasan terperinci mengenai warna darah haid, termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi warna tersebut dan makna klinikalnya.

Warna Merah Terang

Darah haid biasanya bermula dengan warna merah terang pada permulaan tempoh haid. Warna merah terang ini menunjukkan bahawa darah tersebut baru dikeluarkan dari rahim dan tidak mengalami proses pendarahan atau penguraian yang panjang (Minoo & Vermeulen, 2016). Darah merah terang adalah petunjuk bahawa lapisan endometrium yang dikeluarkan adalah darah segar dan menunjukkan bahawa proses haid berjalan dengan baik.

2. Warna Merah Gelap

Sepanjang tempoh haid, darah mungkin berubah warna menjadi merah gelap atau maroon. Warna merah gelap ini biasanya muncul pada pertengahan hingga akhir tempoh haid dan menunjukkan bahawa darah tersebut telah berada dalam rahim untuk jangka masa yang lebih lama (Haines & D'Angelo, 2019). Darah merah gelap adalah hasil daripada proses pembuangan lapisan endometrium yang telah berlama-lama dalam rahim sebelum dikeluarkan. Perubahan warna ini adalah sebahagian daripada proses normal dan tidak semestinya menunjukkan masalah kesihatan.

3. Warna Coklat

Pada akhir tempoh haid, darah mungkin menjadi coklat. Warna coklat ini disebabkan oleh darah yang telah berada dalam rahim untuk jangka masa yang lebih lama dan mengalami penguraian yang lebih lanjut (Minoo & Vermeulen, 2016). Darah coklat biasanya adalah darah lama yang tidak lagi merah terang dan menunjukkan bahawa proses pembuangan hampir selesai. Kehadiran darah coklat pada akhir tempoh haid adalah normal dan biasanya tidak menandakan sebarang masalah kesihatan.

4. Konsistensi dan Pembekuan

Selain warna, konsistensi darah haid juga penting untuk diperhatikan. Darah haid boleh mempunyai konsistensi yang cair pada permulaan dan menjadi lebih kental atau mengalami pembekuan pada akhir tempoh haid (Sattar & Preedy, 2013). Pembekuan darah adalah perkara biasa dan biasanya tidak membimbangkan melainkan jika ia berlaku dengan jumlah yang besar atau disertai dengan simptom lain seperti pendarahan yang sangat berat. Pembekuan ini biasanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran prostaglandin atau kesan hormon lain.

5. Makna Klinikal Warna Darah

Perubahan warna darah haid boleh memberi petunjuk tentang keadaan kesihatan tertentu. Sebagai contoh, warna merah terang yang konsisten atau pendarahan yang berat mungkin menunjukkan masalah seperti fibroid rahim atau gangguan hormon (Haines & D'Angelo, 2019). Warna merah gelap atau coklat yang berpanjangan mungkin menunjukkan kehadiran endometriosis atau masalah dengan lapisan endometrium. Jika terdapat perubahan ketara dalam warna atau konsistensi darah haid yang tidak normal, adalah disyorkan untuk mendapatkan nasihat perubatan.

6. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Warna Darah

Beberapa faktor boleh mempengaruhi warna darah haid, termasuk perubahan hormon, pengambilan makanan, tahap stres, dan keadaan kesihatan umum. Perubahan hormon seperti peningkatan atau penurunan estrogen dan progesteron boleh mempengaruhi warna dan konsistensi darah haid (Minoo & Vermeulen, 2016). Faktor-faktor ini perlu dipertimbangkan apabila menilai perubahan dalam warna darah haid dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menjaga kesihatan reproduktif.

7. Penjagaan dan Pemantauan

Memantau warna darah haid adalah penting dalam pengurusan kesihatan reproduktif. Wanita disarankan untuk merekodkan warna, konsistensi, dan jumlah darah haid mereka untuk mengenal pasti pola yang normal dan untuk melaporkan sebarang perubahan yang mencurigakan kepada profesional kesihatan (Sattar & Preedy, 2013). Ini membantu dalam pengesanan awal masalah kesihatan dan mendapatkan rawatan yang sesuai.

Secara keseluruhan, warna darah haid adalah petunjuk penting dalam menilai keadaan kesihatan sistem reproduktif wanita. Memahami perubahan warna darah haid dan faktor-faktor yang mempengaruhi boleh membantu wanita dalam menguruskan kesihatan mereka dengan lebih baik dan mendapatkan rawatan yang sesuai jika diperlukan.

Kaedah Menentukan Darah sama ada Haid atau Istihadah

Imam al-Khatib al-Syirbini dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* bermaksud "*darah semula jadi sebagai kejadian normal yang keluar daripada pangkal rahim seorang wanita yang telah baligh dalam keadaan sihat tanpa sebab-sebab tertentu dan pada waktu-waktu yang diketahui.*" Berdasarkan definisi di atas, dapat difahami bahawa haid ialah darah semulajadi yang keluar secara normal daripada pangkal rahim wanita bukan disebabkan sakit serta ia keluar pada waktu-waktu tertentu sama ada pada waktu sekurang-kurang haid atau sebanyak-banyak haid atau waktu kebiasaan haid.

Definisi ini berbeza dengan darah istihadah adalah darah yang keluar melebihi tempoh sebanyak-banyak haid dan nifas atau darah yang keluar bukan pada hari-hari haid dan nifas (*al-Taqrirah al-Sadidah*). Ini bermakna, darah haid berlaku dalam tempoh tertentu berbeza dengan istihadah yang tidak mempunyai tempoh waktu tertentu.

Tempoh Haid

Dalam kitab *al-Taqrirah al-Sadidah* penulis menyebutkan tempoh haid adalah sekurang-kurang tempoh haid ialah sehari semalam (24 jam), sebanyak-banyak tempoh haid ialah 15 hari 15 malam dan kebiasaan tempoh haid ialah 6 atau 7 hari.

Justeru, kami ringkaskan tempoh haid seperti berikut:

- a. Tempoh sekurang-kurang haid: Sehari semalam (24 jam)
- b. Tempoh kebiasaan haid : 6 atau 7 hari
- c. Tempoh maksimum haid : 15 hari 15 malam

Imam al-Darimi dalam penulisannya menyebutkan bahawa "*Sekiranya seorang perempuan yang sudah mencapai umur haid (9 tahun dan ke atas) melihat darah yang keluar pada tempoh sekurang-kurang haid (sehari semalam) dan tidak melepasi sebanyak-banyak haid (15 hari 15 malam) maka kesemua darah itu adalah haid. Sama ada tempoh tersebut sama seperti adat kebiasaannya sebelum ini atau tidak. Sama ada darah yang keluar mempunyai warna yang sama atau berbeza. Hal ini demikian kerana, syarat-syarat haid telah terkumpul padanya.*" (*al-Najm al-Wahhaj Fi Syarh al-Minhaj*)

Berdasarkan kenyataan ini dapat difahami bahawa, darah yang keluar dalam tempoh 15 hari 15 malam, walaupun berbeza adat dengan bulan sebelum nya atau berbeza warna darah yang keluar, selagi mana ianya keluar dalam tempoh 15 hari 15 malam dan tidak melepasi tempoh tersebut, maka kesemuanya dihukumkan darah haid.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya darah yang keluar melepasi tempoh 15 hari 15 malam dan bersambung dengan hari seterusnya tanpa berhenti maka darah yang keluar dihukumkan sebagai darah istihadah manakala wanita yang mengalami keadaan ini dinamakan sebagai wanita mustahadah yang memiliki beberapa pembahagian kerana darah haid dan istihadahnya telah bercampur dalam tempoh tersebut.

Penentuan Haid dan Istihadah bagi darah yang bercampur

Penentuan kepada permasalahan ini terbahagi kepada dua,

1. Menentukan haid dan istihadah dengan melihat kepada warna darah (*Tamyiz al-Dam*). Sekiranya seorang wanita melihat terdapat perbezaan warna dan sifat darah dalam tempoh tersebut, maka dihukumkan haid pada darah yang kuat (sifat dan warnanya) dan dihukumkan istihadah bagi darah yang lemah (sifat dan warnanya) mengikut syarat-syarat tamyiz.

Hal ini sepertimana yang disebutkan oleh Imam al-Nawawi dalam penulisannya dalam kitab *Minhaj al-Thalibin wa Umdah al-Muftin*, "Dihukumkan bagi perempuan Mu'tadah Mumayyizah dengan tamyiznya (Darah yang sifatnya kuat adalah haid, yang sifatnya lemah adalah istihadah). Tidak dihukumkan dengan adat sebelumnya menurut pandangan yang paling sahih."

2. Menentukan darah haid dan istihadah melihat kepada adat kebiasaan wanita tersebut. Sekiranya seorang wanita melihat darah yang keluar dengan satu sifat iaitu tiada perbezaan warna pada darah tersebut, maka dihukumkan haidnya mengikut kadar adat kebiasaan haid yang sebelum manakala bakinya dihukumkan istihadah.

Hal ini sepertimana yang disebutkan oleh Imam al-Khatib al-Syirbini dalam penulisannya "Jika seorang perempuan pernah mengalami haid dan suci sebelumnya padahal dia tidak dapat membezakan sifat darah ini (yakni darah yang melebihi tempoh 15 hari 15 malam, kerana darah keluar dengan satu sifat) sedangkan dia masih ingat kadar dan waktu bagi haid dan sucinya yang sebelum ini, maka dikembalikan kepada kadar dan waktu haid dan sucinya yang sebelum ini."

Berbalik kepada persoalan di atas, kami rumuskan jawapan seperti berikut:

20 Jun (5.15 pagi) – 5 Julai (5.15 pagi)

Tempoh 15 hari 15 malam.

Darah yang keluar dihukumkan haid

27 Jun – 1 Julai

Tempoh Naqa. Dihukumkan haid jika duduk dalam tempoh 15 hari 15 malam.

2 Julai (7 pagi) – 5 Julai (5.15 pagi)

Darah yang keluar masih dihukumkan haid

5 Julai (5.16 pagi – 12 Tengahari)

Darah yang keluar melepasi tempoh sebanyak-banyak haid 15 hari 15 malam dan sudah memasuki hari ke-16

Berdasarkan jadual di atas dapat difahami bahawa:

a. Darah yang keluar bermula 20 Jun (5.15 pagi) sehingga 5 Julai (5.15 pagi), pada asalnya adalah darah haid.

b. Darah yang keluar semula pada 2 Julai (7 pagi) sehingga 5 Julai (5.15 pagi) masih dihukumkan haid kerana berada dalam tempoh maksimum haid 15 hari 15 malam.

c. Pada 5 Julai (5.15 pagi) darah masih keluar sehingga jam 12 tengahari. Ini bermakna darah yang keluar sudah melepasi tempoh sebanyak-banyak haid dan bersambung dengan hari ke-16. Pada waktu ini, barulah diketahui si isteri sedang mengalami darah haid dan istihadah secara bercampur.

d. Berdasarkan info tambahan yang diberikan, si isteri merupakan wanita mustahadah yang duduk dalam kumpulan Mu'tadah Mumayyizah iaitu wanita yang pernah mengalami haid dan suci serta mampu membezakan warna darah mengikut kepada sifat darah. (20 Jun- 27 Jun: Darah yang keluar pekat), (2 Julai- 5 Julai: Darah yang keluar cair). Maka dihukumkan haid nya mengikut warna yang kuat dan istihadah mengikut warna yang lemah. Oleh itu, haid nya dihukumkan pada 20 Jun -27 Jun manakala 2 Julai-5 Julai darah yang keluar merupakan darah istihadah.

e. Tempoh 2 Julai hingga 5 Julai (5.15 pagi) itu dalam tempoh istihadah, maka menurut hukum asal wanita itu diwajibkan untuk mengerjakan solat. Oleh itu, Tindakan si isteri mengerjakan untuk mengerjakan solat adalah tepat dan solatnya sah berdasarkan sangkaannya ketika itu bertepatan dengan hukum asal (الظن في العبادة المعتبر). (Ini merupakan jawapan bagi soalan kedua)

f. Namun, dalam situasi yang lain misalnya si isteri menyangka tempoh darah kedua itu adalah haid dan tidak mendirikan solat berdasarkan sangkaan itu, maka diwajibkan kepadanya untuk menqadakan solat dalam tempoh tersebut. (Ini juga merupakan jawapan bagi soalan kedua).

g. Untuk menjawab soalan ketiga, kedudukan suami dan isteri tidak dikira berdosa atas sebab kejahilan atau kekurangan ilmu. Untuk masa akan datang, jika wujud sebarang kemusykilan maka perlu merujuk secepat mungkin kepada pakar fiqh bagi menyelesaikan masalah hukum-hakam seberapa segera.

Tanda-tanda suci haid merupakan panduan penting bagi wanita untuk menentukan waktu kembali menunaikan ibadah seperti solat dan puasa. Tanda utama yang dijelaskan ulama ialah keluarnya cairan putih (القصة البيضاء) atau keadaan kering (الجفاف), di samping berhentinya darah dan kesan kekuningan.

Pengetahuan mengenai tempoh haid minimum, kebiasaan, dan maksimum turut membantu wanita membezakan antara haid dan istihadah. Selain itu, warna darah haid memberi petunjuk tentang keadaan fisiologi dan kesihatan reproduktif. Kefahaman ini memastikan ibadah dilaksanakan pada waktu yang sahih serta mengelakkan keraguan dalam aspek hukum syarak.

Kritikan Penyiaran: Mengapa Menonton Filem? Benarkah Untuk Menelusuri Realiti dan Pengalaman yang Berbeza?



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Menonton filem atau drama merupakan antara aktiviti biasa yang mewarnai kehidupan manusia. Dari dahulu hingga kini, menonton filem/drama merupakan salah satu aktiviti di masa lapang dan kebiasaan pemilihan filem ditentukan kepada minat seseorang individu. Jika diungkap berdasarkan teori komunikasi, fungsi media terbahagi kepada empat aspek iaitu sebagai sumber pendidikan, pemberitahuan, pemujukan dan hiburan. Keempat-empat aspek ini adalah asas yang menentukan mengapa penonton memilih untuk mendapatkan pendedahan daripada media. Jika kita kaitkan dengan corak tontonan filem atau drama, aspek asas ini boleh diaplikasikan atau lebih tepat ia merupakan dapatan yang bakal diperolehi dari suatu tontonan tersebut yang dikenali sebagai mesej. Mesej yang dibawa oleh filem/drama akan diterjemahkan samada ianya merupakan sumber didikan, informasi, pembujukan ataupun hiburan semata.

Berbalik kepada persoalan utama iaitu mengapa manusia menonton filem, kita akan menemukan beberapa pandangan atau jawapan yang mendasari persoalan tersebut. Antara sebab yang popular adalah untuk mengisi masa lapang, melepaskan lelah setelah seharian bekerja, bosan tanpa ada aktiviti yang dirancang, sebahagian dari hobi atau mencari hiburan tatkala mempunyai masa terluang. Kesemua ini adalah jawapan ringkas yang kebiasaannya dilontarkan oleh masyarakat. Tidak dinafikan sememangnya alasan berkenaan adalah berasas jika diteliti. Namun, tahukah anda bahawa ianya bukan sekadar alasan-alasan yang dinyatakan tadi kerana secara tidak sedar corak tontonan manusia adalah berbeza. Ianya banyak dipengaruhi oleh keinginan, minat dan kecenderungan seseorang untuk menyelipat atau melalui pengalaman yang berbeza dari realiti kehidupan mereka.

Untuk menjelaskan lagi konteks perbincangan ini, kita perlu mengetahui terlebih dahulu tema yang popular yang seringkali menjadi panduan tontonan filem atau drama. Antara yang popular adalah seperti percintaan, patriotism, keagamaan, kesenian, kebudayaan, kemasyarakatan dan lain-lain lagi yang mempunyai makna dan gagasan idea yang luas. Maka individu yang ingin menonton akan memilih tema yang bersesuaian dengan cita rasa mereka

untuk mendalami dan meneroka mesej yang hendak disampaikan. Tidak terhenti disitu, penonton juga akan memilih genre yang akan mendasari suatu tema tersebut. Genre adalah kepelbagaian gaya kupasan atau jenis penyampaian iaitu meliputi keseluruhan corak persembahan. Genre akan melengkapkan gagasan tema yang dibawa mengikut kesesuaian yang diinginkan. Antara contoh genre adalah komedi, aksi, seram, pengembaraan, dokumentari, fantasi, muzikal, drama dan pelbagai lagi. Berdasarkan huraian di atas, maka kini kita beralih kepada persoalan kedua iaitu benarkah seseorang itu menonton untuk menelusuri realiti atau pengalaman yang berbeza? Persoalan ini mungkin agak berlainan dengan jawapan yang selalu kita dengar tetapi boleh kita ungkapkan bahawa ianya sesuatu yang harus ditafsirkan berdasarkan corak tontonan individu.

Dalam realiti kehidupan, setiap individu akan mempunyai hobi atau aktiviti kegemaran masing-masing berdasarkan minat dan kecenderungan. Contohnya ada yang minat memasak, bersukan, membaca, melancong dan pelbagai lagi aktiviti dan kegiatan yang digemari. Dalam melaksanakan aktiviti yang diminati, ada kalanya terdapat perkara yang tidak mampu untuk kita capai walaupun kita mencuba sebaik usaha namun keterbatasan dan kekangan kehidupan telah menjadi penghalang. Ianya bukan terhad kepada kegemaran dan hobi, tetapi juga melibatkan keseluruhan aspek kehidupan kita seperti impian dan cita-cita, prinsip dan pegangan kehidupan, keluarga dan kerjaya, keupayaan dan keyakinan diri, pengalaman peribadi dan segala yang pernah dilalui mahupun yang masih belum terlaksana.

Rangkuman ini jika diteliti banyak mempengaruhi corak tontonan iaitu pemilihan tema dan genre yang bersesuaian dengan pengalaman individu tersebut. Individu akan mudah memilih untuk mendedahkan diri pada tema dan genre yang cenderung dengan minat dan pengalaman mereka. Dengan kata lain, mereka akan lebih mudah untuk menyelipat seketika semasa menonton dalam perkara yang sama tetapi realiti yang berbeza. Mereka dapat menyelami pengalaman tontonan dengan mengadun pengalaman sendiri walaupun pengakhirannya mungkin berbeza dengan realiti sebenar kehidupan mereka. Mungkin apa yang ditawarkan dalam filem sesuatu yang mereka tidak mengalaminya secara langsung.

Ringkasnya, jika seseorang individu minat dengan cerita dan kisah berkisarkan sejarah melalui pembacaan, maka mereka akan cenderung untuk memilih filem atau drama yang berkisarkan mengenai sejarah untuk ditonton seperti filem bertemakan patriotik yang banyak membawa mesej perjuangan dan cintakan tanahair. Melalui tontonan, mereka akan berpeluang untuk mendapatkan gambaran tentang situasi yang mereka tidak alami secara langsung. Mereka akan mengatur cara berfikir, menghuraikan situasi, menganalisis kebenaran, mentafsir pemahaman dan menilai corak hubungan antara pembacaan dan hasil gambaran tontonan filem berkenaan. Pengalaman ini memberikan naratif yang berbeza dari pemahaman sebelum menonton.

Begitu juga halnya jika individu memilih tema dan genre yang lain seperti tema kekeluargaan misalnya. Mereka akan mendapat pengalaman yang berbeza dari kehidupan sebenar. Mereka berpeluang merasai pengalaman yang diilhamkan oleh pengarah melalui naratif yang dihasilkan berteraskan genre yang dipilih seperti komedi,

pengembaraan, seram, muzikal dan sebagainya untuk mendapatkan situasi yang berlainan daripada realiti sebenar yang mereka lalui hari demi hari. Ianya sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran situasi dan mesej yang berguna melalui pengalaman tontonan diluar konteks realiti kehidupan.

Makanya, pengalaman yang ditawarkan melalui tontonan ini adalah yang dikatakan sebagai meniti pengalaman berbeza yang mungkin penonton tidak berpeluang untuk dilalui di kehidupan nyata. Mereka dengan mudah dapat menyelinap seketika untuk melalui pengalaman yang selari dengan minat dan kecenderungan mereka. Ianya membolehkan penonton mendapatkan pengajaran melalui tontonan yang boleh diambil iktibar atau pun sebagai maklumat tambahan berkenaan sesuatu naratif yang disampaikan. Yang penting, mereka tahu untuk membezakan antara dunia realiti dan naratif cereka yang ditonton.



Celik Kewangan: Faktor Terjadi Hutang Berlebihan



Oleh:

Mustafa Kamal Mat

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau



Saflina Binti Azis

Pensyarah Kanan Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Hutang adalah satu tanggungan kewangan terbesar yang sering menimbulkan masalah kepada ramai orang. Ramai yang terjebak dalam hutang akibat daripada perbelanjaan yang sering melebihi pendapatan atau pengurusan kewangan yang tidak cekap. Hutang yang berlebihan boleh meningkatkan stres kewangan individu, seterusnya mengakibatkan mereka muflis.

Muflis atau bankrap boleh terjadi apabila seseorang individu tidak mampu membayar pinjaman atau hutang kewangan melebihi RM100,000 dan ke atas. Seseorang individu yang diisytiharkan muflis boleh disebabkan oleh pinjaman sewa beli kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi, hutang kad kredit, penjamin perniagaan, penjamin sosial, penjamin korporat, hutang cukai pendapatan, pinjaman pendidikan dan lain-lain keberhutangan.

Lantaran itu, kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK) bagi membantu menangani masalah peningkatan rakyat yang terjebak dengan beban hutang. Terkini, lebih 13.6 juta individu telah mendapat manfaat hasil inisiatif penubuhan AKPK sejak April 2006.

Dikongsikan beberapa faktor yang memungkinkan individu terjerumus ke kancah keberhutangan yang tinggi. Namun, ia bukannya muktamad dan boleh juga disebabkan lain-lain faktor bergantung kepada sikap individu tersebut.

Kos sara hidup yang meningkat

Salah satu punca utama individu berhutang ialah kos sara hidup yang meningkat. Peningkatan yang ketara terutamanya kos barang keperluan asas seperti makanan, perumahan, utiliti dan pengangkutan amat membimbangkan serta menghantui kehidupan seharian.

Apabila gaji tidak seimbang dengan kenaikan kos, ramai terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan mereka setiap bulan. Bagi individu yang berpendapatan rendah dan sederhana, mereka mungkin mengambil pinjaman peribadi atau menggunakan kad kredit untuk menampung perbelanjaan harian mereka. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kos perumahan dan keperluan asas yang tinggi di kawasan bandar sering menjadi punca utama hutang bagi kebanyakan isi rumah di negara membangun.

Tiada perancangan kewangan

Individu yang tidak mempunyai perancangan kewangan bakal menempuh cabaran yang sukar dalam menguruskan perbelanjaannya. Situasi kemampuan kewangan tidak dapat

diketahui dengan tepat, malah boleh menjadi punca penambahan hutang akibat berbelanja melebihi kemampuan tunai.

Pakar penasihat kewangan juga sering memberikan tips terbaik supaya setiap individu mempunyai pelan perancangan kewangan agar pengurusan menjadi lebih cekap. Tiada perancangan kewangan peribadi yang teratur, sudah tentu sukar menetapkan matlamat pengawalan hutang yang berkesan dan pelaksanaannya menjadi lemah.

Kehendak dan tuntutan hawa nafsu

Kehendak dan hawa nafsu setiap individu ini berbeza mengikut diri masing-masing. Faktor memenuhi kehendak dan tuntutan hawa nafsu untuk memiliki sesuatu yang tidak mampu ditunaikan kecuali dengan berhutang, punca kawalan hutang menjadi lemah. Ekoran itu menyebabkan mereka cuba memenuhi keinginan di luar kemampuan diri dengan berhutang.

Sukar puas hati dengan apa yang diri sendiri ada dan nak ikut apa yang orang lain ada, punca nafsu menguasai diri. Mengakibatkan hati makin berkobar-kobar untuk turut memiliki benda yang sama, menjurus kepada pembuatan hutang yang baru.

Tiada senarai lengkap semua hutang

Kebiasaannya, individu yang mempunyai hutang tidak membuat senarai lengkap semua hutang yang mereka miliki. Ini akan meletakkan diri mereka terdedah kepada hutang yang baru secara tanpa sedar. Ini terjadi apabila jumlah komitmen hutang sedia ada tidak disertakan dengan nilai kadar faedah dan bayaran bulanan setiap hutang.

Akibatnya, mereka tidak mendapat gambaran jelas tentang kedudukan kewangannya dan sukar merancang langkah-langkah seterusnya. Tindakan menyediakan senarai hutang dapat memudahkan individu tersebut memahami situasi keberhutangannya serta merancang untuk menyelesaikan hutang.

Kemudahan pinjaman yang lebih mudah

Walaupun jumlah institusi kewangan makin berkurang sejak tahun 2000, namun kemudahan pinjaman yang disediakan oleh institusi kewangan boleh menjadi punca yang menggalakkan lagi amalan berhutang. Malah, kemudahan pinjaman ini nampak lebih mudah untuk diluluskan oleh pihak bank walaupun mereka baru beberapa bulan memulakan kerjaya.

Paling ketara adalah kemudahan kad kredit yang ditawarkan di pasaran sedia ada. Majoriti institusi kewangan kerap melakukan promosi pemilihan kad kredit kepada pelanggan baru mereka. Sebagai pengguna bijak, setiap individu perlu punyai ilmu kemahiran kewangan agar mampu hidup tanpa hutang yang besar.

Bagi menangani fenomena ini, setiap individu harus lebih berhemah ketika berbelanja dan sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan yang mampan. Pengurusan kewangan diri adalah tanggungjawab utama untuk hidup selesa sepanjang masa.